

SYARAT-SYARAT AM

PERMOHONAN VERIFIKASI REKA BENTUK LIF, ESKALATOR DAN LALUAN GERAK



1 ORANG KOMPETEN (SYARIKAT)


Hanya boleh dimohon oleh Orang Kompeten (syarikat)

bertanggungjawab menyemak dan memastikan permohonan mematuhi sepenuhnya ketetapan panduan, Peraturan dan standard yang diiktiraf

2 1 PERMOHONAN-1 MODEL

1 Permohonan terhad kepada 1 Model dan 1 Jenis Loji sahaja

Sekiranya sijil dan laporan ujian sistem mengandungi lebih daripada 1 jenis Loji/model, permohonan bagi setiap jenis Loji/model hendaklah dikemukakan secara berasingan




3 DOKUMEN

Permohonan akan ditolak sekiranya dokumen sukar dibaca/bukan terkini/menggunakan bahasa selain Bahasa Melayu / Inggeris (terjemahan daripada institut terjemahan adalah diterima pakai)

tiada suntingan pada dokumen yang diimbis

Maklumat pada dokumen sepadan dengan maklumat yang diisikan dalam sistem MySKUD



4 TANDATANGAN

Tandatangan salin dan tampal adalah tidak dibenarkan pada kesemua dokumen yang memerlukan pengesahan Orang Kompeten



5 SISTEM & BAYARAN

Nombor rujukan permohonan yang terdahulu hendaklah diisikan dalam sistem (e-borang) bagi jenis permohonan pembaharuan dan kemaskini.

Bayaran disertakan bersama semasa permohonan dibuat.



SYARAT KHUSUS PERMOHONAN

6 SURAT PERMOHONAN

Surat permohonan dimuatnaik folder 'Lain-lain Dokumen' serta mengandungi perkara berikut:

- Kepala surat yang mengandungi nama dan alamat Orang Kompeten (Syarikat);
- Nombor rujukan surat dan tarikh;
- Tajuk/perkara surat yang menyatakan dengan jelas jenis permohonan (baru/pembaharuan/kemaskini), kategori, jenama dan model;

